


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 21 USM MANFAAT PELUANG KERJASAMA DENGAN MAY REPUBLIK CZECH



PULAU PINANG, 21 Mei 2015 - Universiti Sains Malaysia (USM) memperluas kolaborasi antarabangsa dengan negara Eropah yang terkenal dengan kekuatan bidang kejuruteraannya, Republik Czech melalui beberapa cabang ilmu tertentu yang menjadi fokus utama Universiti.

Selain kejuruteraan, tiga bidang utama lain yang dikenalpasti menjadi tunjang kepada kolaborasi dengan universiti di negara bersejarah itu adalah perubatan molekul, nano-optoelectronik dan sains semulajadi.



Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, kedua-dua pihak telah membuaikan pelbagai idea kolaborasi yang akan disusuli ke peringkat seterusnya melalui penglibatan pelbagai pihak.

``Kolaborasi akan menjurus secara spesifik kepada pusat-pusat pengajian dalam USM dan pengurusan tertinggi Universiti akan memberi sepenuh komitmen untuk menjayakan segala kerjasama yang dibuat.

``Ia termasuk dalam aspek membangunkan penyelidikan secara bersama, pertukaran staf akademik dan pelajar, pembangunan program-program akademik dan pelbagai bidang lain yang mempunyai manfaat kedua-dua pihak,’’ ujarnya.



Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan sidang media sejurus tamat sesi pembentangan dan perbincangan kolaborasi sempena lawatan khas delegasi Republik Czech yang diketuai oleh Duta Republik Czech di Malaysia, His Excellency Rudolf Hykl di sini hari ini.

Perbincangan intensif tersebut melibatkan delegasi tujuh universiti awam negara berkenaan, antaranya universiti tertua dan tersohor, Charles University, Palacky University Olomouc, Technical University of Liberec dan sebagainya.



Sesi yang membahaukan pelbagai idea dalam pengukuhan jaringan antarabangsa itu turut disertai oleh timbalan-timbalan naib canselor serta ketua-ketua jabatan USM dan rektor serta timbalan rektor universiti awam Republik Czech.

Dalam pada itu, Rudolf Hykl pula berkata, pihaknya kagum dengan pencapaian USM dan menyifatkan universiti kedua tertua di Malaysia itu bukan sahaja mempunyai reputasi tinggi di peringkat serantau, malah di arena antarabangsa.

``Saya melihat ada banyak persamaan yang boleh diteroka untuk manfaat bersama khususnya dalam bidang pendidikan dan kemajuan teknikal yang menjadi fokus utama kerajaan dan universiti-universiti di Malaysia.



``Republic Czech mempunyai kekuatan dalam bidang-bidang seperti teknologi nano, perubatan, sains kimia, biokimia dan pelbagai lagi yang boleh diperkembangkan melalui kolaborasi dengan USM dan pihak lain di negara ini,’’ ujar beliau. - Teks: Marziana Mohd Alias/Foto: Mohd Fairus Md Isa



Share This

#### **Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015